

UTUSAN MALAYSIA : SELASA, 21 OKTOBER 2008

Dalam Negeri (Muka Surat 25)

Jabatan perangkaan buka 14 pusat operasi

BESUT 20 Okt. - Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menstruktur semula operasinya dengan membuka 14 buah pusat operasi di seluruh negara bagi menambah keberkesanan menyediakan maklumat dan perkhidmatan statistik yang lebih tepat dan terkini.

Ketua Perangkawan, Wan Ramlah Wan Abd. Faof berkata, penstrukturan yang melibatkan penambahan kakitangan peringkat sokongan hingga profesional itu turut membuka peluang kenaikan pangkat kepada anggotanya.

Menurutnya, pada masa ini jabatan itu mempunyai pejabat di setiap negeri dan dengan pembukaan pusat operasi itu, ia akan memantapkan lagi kerja-kerja pengumpulan data untuk pembentukan dasar perancangan, pembangunan dan pentadbiran negara.

"Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan ke arah sistem maklumat yang bermutu, pembukaan pusat operasi ini akan memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian dan lain-lain," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis perasmian Pusat Operasi Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Besut di Kampung Raja, dekat sini semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial/Demografi, Ismail Yusof; Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi, Abdul Rahman Hassan; dan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia, Datuk Nafsiah Abu Bakar.



**WAN RAMLAH
WAN ABD. FAOF**

Mampu

Wan Ramlah berkata, daripada 14 buah pusat operasi itu, dua daripadanya adalah di Terengganu iaitu di Besut dan Kerteh, manakala tiga negeri kecil iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis tidak diwujudkan kerana pengumpulan data mampu diuruskan oleh pejabat negeri masing-masing.

Jelasnya, di negeri-negeri lain kelulusan bagi mendapatkan bangunan yang sesuai serta keperluan lain sedang diuruskan dan akan beroperasi sepenuhnya apabila semuanya proses diselesaikan.

"Dalam usaha melengkapkan lagi maklumat, kerjasama daripada masyarakat amat diperlukan selain usaha mengadakan hari bersama pelanggan dan pameran serta ceramah kepada orang ramai," jelasnya.

Beliau meminta orang ramai supaya memberi kerjasama kepada anggota jabatan itu yang menjalankan bancian untuk mengutip maklumat yang diperlukan.

Menurutnya, setakat ini kerjasama yang diberikan amat baik dan meminta mana-mana pihak yang berasa curiga untuk memberikan maklumat yang diminta supaya meminta kad kuasa daripada anggota tersebut.